

SURAT PEKELILING KETUA PENGARAH KESIHATAN BIL. 8 /1990.**MENJADIKAN KEMUDAHAN PERUBATAN DAN KESIHATAN BEBAS DARI ROKOK****1. TUJUAN.**

Pekeliling ini bertujuan memperluaskan larangan-larangan menghisap rokok keseluruhan kawasan kemudahan perubatan dan kesihatan termasuk pejabat - pejabat di bawah Kementerian Kesihatan serta mengujudkan satu suasana di mana tidak merokok adalah satu norma.

2. LATAR BELAKANG.

Pada 18hb. Ogos, 1989, Yang Berhormat Menteri Kesihatan telah membuat kenyataan akhbar mengenai larangan menghisap rokok di kawasan hospital. Semenjak akhir-akhir ini, pihak Kementerian telah menerima banyak aduan mengenai amalan menghisap rokok di dalam pejabat-pejabat dan di hospital-hospital kerajaan. Keadaan ini amat menjejaska.n "image" Kementerian. Ini mungkin kerana pihak pentabiran kurang memberikan perhatian kepada masalah ini.

3. TINDAKAN YANG PERLU DIAMBIL.

Bersama-sama ini disertakan pelan tindakan bagi Menjadikan Kemudahan Perubatan dan Kesihatan Bebas dari Rokok yang menerangkan secara terperinci program tersebut.

Objektif serta strategi yang diambil adalah seperti pada muka surat berikut dan program ini akan dilaksanakan dalam tiga fasa;

- a) Fasa pra-pelancaran.
- b) Fasa pelancaran dan implementasi.
- c) Fasa berwaspada (maintenance).

3.1 Sebelum pelancaran yang dijangkakan akan diadakan pada bulan Januari atau Februari 1991, semua aktiviti-aktiviti pra-pelancaran seperti berikut perlulah dilaksanakan.

3.1.1 menubuhkan jawatankuasa khas di peringkat negeri dan institusi. (Sila lihat para 4.1.1 dalam garispanduan).

3.1.2 menyediakan papan-papan tanda (Lihat para 4.1.2)

3.1.3 mempertingkatkan tahap kebersihan serta mencantikkan kawasan. (Lihat para 4.1.3)

3.1.4 mendidik semua kakitangan (Lihat para 4.1.4)

3.1.5 menyedia dan menyebarkan bahan-bahan pendidikan kesihatan (Lihat para 4.1.5)

3.1.6 melatih kakitangan (Lihat para 4.1.6).

3.2 Melaksanakan pelancaran kempen di peringkat negeri dan institusi (Lihat para 4.2)

3.3 Melaksanakan fasa berwaspada seperti 4.3 dalam garispanduan.

3.4 Menyediakan laporan-laporan tahunan mengikut format yang akan disediakan kemudian.

Sila edarkan buku panduan ini kepada setiap institusi. institusi yang berada di bawah jagaan Dato'/Tuan . Jika ada apa-apa pertanyaan atau penjelasan, sila hubungi Unit Epidemiologi, Telefon: 03-2542488 (terus) /Telefeks: 2561566.

Oleh kerana keperluan kewangan tidak memenuhi syarat untuk dimajukan sebagai dasar baru, maka segala keperluan kewangan berikutan dengan persediaan program ini hendaklah diserapkan kedalam peruntukan kewangan yang sediaada. Sila tentukan arahan ini dilaksanakan.

Sekian.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

'CINTAILAH BAHASA KITA'

Saya Yang Menurut Perintah,

(DATO' (DR) ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN),

Ketua Pengarah Kesihatan,

Kementerian Kesihatan Malaysia.